

TERHARU TERIMA BANTUAN BINA KEDAI RUNCIT

CAMERON HIGHLANDS, 10 APRIL 2021: Seorang penerima bantuan melahirkan rasa gembira dan bersyukur kerana menerima peruntukan sebanyak RM5,000 daripada Kerajaan Pahang bagi pembinaan kedai runcit miliknya.

Puan Basirah Abu Bakar, 58, dari Kampung Melayu Brinchang tidak dapat menyembunyikan rasa terharunya apabila pertama kali menerima bantuan daripada Kerajaan Pahang.

“Duit yang dapat ini saya nak guna untuk siapkan kedai runcit yang di bina di sebelah rumah saya.

“Setakat ini kedai sedang dalam pembinaan bahagian dinding dan modal yang telah digunakan setakat ini kira-kira RM6,000 dan duit yang diterima ini saya nak guna untuk siapkan bahagian dalam kedai,” katanya.

Sumbangan ini disampaikan oleh YAB Menteri Besar Pahang, Dato’ Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail pada Majlis Watikah Pelantikan Jawatankuasa Kemajuan dan Kemakmuran Kampung Baharu (JKKKB) dan Bantuan Prihatin Pahang Bahagian Dewan Negeri (DN) Tanah Rata di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah.

Turut hadir, YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato’ Sri Dr Sallehuddin Ishak; Ahli Parlimen Cameron Highland, YB Tuan Ramli Dato’ Mohd Nor dan Pegawai Daerah Cameron Highlands, YH Dato’ Ishak Nafis.

Puan Basirah berkata, dia yang sebelum ini berniaga makanan di gerai ingin membina kedai runcit berkenaan disebabkan kampungnya tidak mempunyai kedai runcit.

“Dekat kampung tak ada kedai runcit, jadi bila nak beli barang, orang kampung kena pergi ke kedai di kampung lain, itu yang saya nak buat kedai runcit ini untuk memudahkan orang kampung.

“Saya juga bercadang nak buat gerai makanan sebelah kedai runcit nanti, untuk jual lauk pauk macam yang saya jual sebelum ini,” katanya.

Dalam majlis yang sama juga, seramai 70 orang telah dilantik sebagai pengerusi dan ahli JKKKB yang terdiri daripada 65 wakil berbangsa Cina dan lima wakil berbangsa India.

Kesemua 70 orang yang dilantik ini adalah daripada Kampung Kea Farm seramai 13 orang; Kampung Ringleet (13 orang); Kampung Tringkap (13 orang); Kampung Raja (12 orang); Kampung Kuala Terla (10 orang); dan Kampung Bertam (sembilan orang).

Sebanyak RM209,000 disumbangkan oleh Kerajaan Pahang bagi Bantuan Prihatin DN Tanah Rata melibatkan 484 murid Tahun 1, 28 buah surau, 10 penerima sumbangan Kerajaan Negeri, enam pengerusi JKKKB, dan lima buah masjid. **-PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

**#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#UKOMP**

Oleh : Ain Nadhirah Basha

Foto : Putera Falliq Hakim Suhairi

(LIPUTAN BERGAMBAR)





